



Najib mencuba alat bantuan perubatan ketika melawat tapak pameran Fakulti Kesihatan Unisza.

Sambut baik bina Hospital Pengajar Unisza

KUALA NERUS – Pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) di Kuala Nerus yang menelan belanja RM350 juta, disambut baik penduduk setempat.

Penduduk, Ramlah Salleh berkata, dengan pembinaan hospital baharu itu nanti, mereka tidak perlu lagi bersesak di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu yang menjadi tumpuan pesakit dari seluruh negeri.

Menurutnya, kewujudan hospital yang dinanti penduduk sejak sekian lama itu turut menjadi

lambang daerah baharu sekali gus mengatasi kepadatan di HSNZ.

"Kita mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan kerajaan negeri yang prihatin dengan kehendak serta keperluan masyarakat setempat.

"Hospital baru ini secara tidak langsung menjadi kebanggaan warga Unisza, selain perangsang untuk melahirkan lebih ramai pakar perubatan terlatih," katanya yang tinggal di Tepuh.

Seorang lagi penduduk, Abd Rahim Abdullah berkata, hospital

pengajar itu juga diharap mampu melahirkan lebih ramai pegawai perubatan terlatih, selain turut memberi lebih kemudahan kepada penduduk sekitar.

"Sebelum ini, mereka yang ingin mendapatkan rawatan di HSNZ bukan sahaja terpaksa menunggu lama, malah turut berdepan kesukaran kerana tidak mempunyai kenderaan.

"Justeru, pembinaan hospital ini diharap mampu mengatasi masalah berkenaan berikutan kedudukannya yang strategik di laluan utama Kuala Nerus," katanya.